UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
## UiTM CAWANGAN SELANGOR

*Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa*




UiTM di hatiku

اوسها. تقوى. موليا

ptarkpaucs



Cawangan Selangor

# LAPORAN TAHUNAN 2024
# PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
# UiTM CAWANGAN SELANGOR

# PENAFIAN

**Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor (UCS)** tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang dialami kerana menggunakan atau mengakses mana-mana maklumat, perkhidmatan dan perkara-perkara lain yang diperoleh dari laporan ini.

Mana-mana bahagian dalam laporan ini yang ingin diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk hendaklah mendapat keizinan daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Selangor terlebih dahulu.
Laporan tahunan akan diterbitkan secara tahunan / setahun sekali.

Terbitan Pertama 2024
eISSN : 3120-3086
© Hak Cipta Universiti Teknologi MARA, 2024

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam

No Telefon:
03 3258 4006 | Perkhidmatan Konsultasi
03 3258 4237 | Perkhidmatan Pelanggan
Laman Web: https://puncakalam.library.uitm.edu.my
E-mel:  ptarselangor@uitm.edu.my

# SIDANG REDAKSI

**PENASIHAT**
Ts. Haji Mohamad Hamidi Haji Mohd Jais

**EDITOR**
Hani Liza Norfin

**PENYELARAS**
Amir Muhamad Shafie

**PENULIS**
Siti Fazlina Mohamed Raffi
Hafiza Mustape
Nur Fatihah Muhamad
Nordiana Tukijo
Muhammad Akmal Azhar

**REKA BENTUK DAN REKA LETAK**
Amir Muhamad Shafie
Annas Hamirzul Iszal Madzar
Zettyhasni Zulkarnaini

**SUMBER MAKLUMAT**
PTAR Kampus Puncak Alam
PTAR Kolej Alam Bina
PTAR Kampus Puncak Perdana
PTAR Kampus Sungai Buloh
PTAR Kampus Dengkil

# ISI KANDUNGAN


**PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN** v

**PROFIL PERPUSTAKAAN**

- DASAR, MISI, VISI & OBJEKTIF PERPUSTAKAAN 1
- PIAGAM PELANGGAN DAN OBJEKTIF KUALITI 2
- CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN DAN PENGURUSAN PTAR UCS 3 - 4
- KAMPUS PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN SELANGOR DAN SEJARAH 5 - 9

**ANUGERAH DAN PENCAPAIAN** 11

**PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

- PERANCANGAN STRATEGIK 13
- PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN BAKAT 14
- PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PTAR UCS 15 - 16
- PENGURUSAN KEWANGAN DAN TABUNG SUMBANGAN KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN 17

**PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI**

- PESANAN BAHAN BERCETAK 2024 19
- SESI PERKONGSIAN ILMU ASAS PENGKATALOGAN & RDA 20
- SUMBANGAN BAHAN 21 - 22
- HUB KANDUNGAN TEMPATAN 23

**PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**

- PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA 25 - 26
- DATA PENERBITAN & PENYELIDIKAN UCS 27 - 28
- PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU 29 - 42
- PROGRAM PERKONGSIAN PEMBUDAYAAN ILMU BERSAMA WARGA 43
- PROGRAM KARNIVAL ILMU PTAR UCS 2024 44
- PROGRAM KARNIVAL ILMU PTAR KAMPUS DENGKIL 2024 45
- SEMARAK JAWI DAN SENI KHAT SEMPENA PROGRAM KARNIVAL ILMU UCS 2024 46
- PROGRAM RESENSI BUKU TENTANG PILIHAN BERSAMA PENULIS DR. NUR AISYAH ZAINORDIN 47
- PROGRAM RESENSI BUKU BERSAMA PENULIS 48
- PROGRAM BICARA ILMU BERSAMA PROF. MADYA TS. DR. SABAIANAH BACHOK 49

# ISI KANDUNGAN


**PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**

PROGRAM RESENSI BUKU BERSAMA PELAJAR 50
RERUAI JUALAN BUKU BERSAMA PENERBIT & PEMBEKAL BUKU 51
SIRI LAWATAN KE IQRA' CORNER UITM CAWANGAN SELANGOR 52
BENGKEL SOKONGAN PENYELIDIKAN : BIBLIOMETRIC ANALYTIC 53
MAJLIS PELANCARAN BRIGED SUKARELAWAN PTAR UITM CAWANGAN SELANGOR 54
AKTIVITI BERSAMA BRIGED SUKARELAWAN PTAR KAMPUS DENGKIL 55

**PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN**

MOBILE PTAR APP 57
MYKM & PEMBELAJARAN DIGITAL 58
INSTITUTIONAL REPOSITORY 59
INISIATIF MINDA REKTOR UCS 60

**REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI**

SESI LIBAT URUS 62 - 63

**LAWATAN**

LAWATAN PENANDA ARASAN 65 - 66
LAWATAN PEMBELAJARAN / EXPERIENTIAL TOUR 67

**KOLABORASI**

PEMBENTANGAN AKHIR DERAF RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2040 69
PROGRAM JARINGAN KERJASAMA DAN KUNJUNGAN HORMAT SEKTOR PEMBELAJARAN PPD KUALA SELANGOR 70
BICARA ILMU @ PTARUCS : FISIOTERAPI UNTUK SAKIT BELAKANG & KEPENTINGAN PENJAGAAN MATA, MATA SIHAT JELAS LIHAT 71
PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI "BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA DALAM SEHARIAN" DAN "TAFSIRAN MELALUI SEBUAH FOTO". 72
PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU 73 - 74

# Perutusan KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN

Assalammualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Penerbitan Laporan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor (UCS) ini berjaya diterbitkan pada tahun ini.

Penerbitan laporan tahunan ini adalah perkongsian maklumat serta memaparkan segala program dan aktiviti yang telah berjaya PTAR UCS jalankan sepanjang tahun 2024 ini. Inisiatif program yang dijalankan ini adalah untuk menyokong kepada tagline ***"Pembudayaan Ilmu, Membentuk Adiwangsa".***

Perubahan teknologi kepada dunia pada masa ini telah memberikan cabaran di dalam dunia kepustakawanan untuk sentiasa menjadikan perpustakaan ini adalah sumber yang utama dalam pencarian maklumat.

Sekian, terima kasih.

**Ts. Haji Mohamad Hamidi Mohd Jais**
**Ketua Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor**



# PROFIL PERPUSTAKAAN

"Jalanilah kehidupan di dunia ini tanpa membiarkan dunia hidup di dalam dirimu, karena ketika perahu berada di atas air, ia mampu berlayar dengan sempurna, tetapi ketika air masuk ke dalamnya, perahu itu tenggelam."
- Ali bin Abi Thalib

# DASAR, VISI, MISI & OBJEKTIF PERPUSTAKAAN

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor

## Dasar Perpustakaan UiTM

Memenuhi matlamat pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan inovasi & pengkomersialan, akademia industri & masyarakat, kepimpinan dan keusahawanan menerusi pengurusan perpustakaan, pembangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repositori institusi universiti dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti

### Visi

Pemangkin kepada warga UiTM yang berilmu melalui pengaksesan maklumat yang komprehensif, relevan dan terkini serta kemudahan yang berkualiti bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

### Misi

Menjadikan UiTM sebuah universiti yang unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamis bumiputra dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

### Objektif

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan UiTM sebagai pusat kecemerlangan maklumat yang sentiasa kekal relevan, dirujuk dan dihormati.
- Mempelbagai sumber ilmu yang komprehensif, terkini dan relevan meliputi pelbagai fomat yang dapat diakses secara fizikal maya.
- Menyediakan kemudahan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- Menambah baik kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang berfokuskan kepada keperluan pelanggan.
- Memperkasakan model insan melalui niali ESI (Excellence, Synergy, Intergrity) dalam kalangan warga UiTM
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar dalam kegiatan jaringan industri.

# PIAGAM PELANGGAN DAN OBJEKTIF KUALITI

## PIAGAM PELANGGAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1. Memastikan permohonan ***Book Delivery Service*** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.
2. Memastikan bahan **Pinjaman Antara Perpustakaan** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh permohonan.
3. Memastikan **Aduan dan Maklumbalas Pelanggan** diberi maklumbalas dalam tempoh **satu (1) hari bekerja**.
4. Memastikan permohonan rujukan **bahan Arkib Universiti** tersedia dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.
5. Memastikan **Portal Perpustakaan Digital** dapat diakses **24/7** oleh pelanggan.
6. Memastikan **status kelulusan cadangan perolehan bahan baharu** (buku bercetak/ jurnal bercetak/ *eBook*/ PDAT/ *eJournal*) dimaklumkan kepada pencadang dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja**.

*TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN*
*KETUA PUSTAKAWAN*
*PERPUSTAKAAN UiTM*

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024

UiTM di hatiku اوسها. تقوى. موليا

## OBJEKTIF KUALITI

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1. Memastikan **85%** Warga Universiti menggunakan Perpustakaan Digital UiTM.
2. Memastikan Kepuasan Hati Pelanggan mencapai **90%**.
3. Memastikan Pemilikan Bahan Silibus **100%** di dalam Koleksi Sumber Rujukan.
4. Memastikan kepakaran bidang staf perpustakaan dirujuk melalui jemputan perkongsian ilmu sebanyak **24 kali setiap tahun**.
5. Memastikan **800 ribu** pengunjung Perpustakaan UiTM menggunakan perkhidmatan fizikal Perpustakaan UiTM.
6. Memastikan **100%** Koleksi Arkib yang didaftarkan boleh diakses melalui *Online Finding Archive* (OFA).

*TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN*
*KETUA PUSTAKAWAN*
*PERPUSTAKAAN UiTM*

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024

UiTM di hatiku اوسها. تقوى. موليا

# CARTA ORGANISASI



# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM CAWANGAN SELANGOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Selangor



Ts. Hj. Mohamad Hamidi Mohd Jais
Ketua Timbalan Pustakawan (S54)



Puan Hani Liza Norfin
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (S52)



Puan Nurul Diana Jasni
Timbalan Ketua Pustakawan (S48)



Encik Shahrani Abdul Manaf
Timbalan Ketua Pustakawan (S48)



Puan Siti Fazlina Mohamed Raffi
Pustakawan Kanan (S44)



Puan Subha Ismail
Pustakawan Kanan (S44)



Encik Mohd Anuar Mohd Maasom
Pustakawan Kanan (S44)



Puan Norliza Othman
Pustakawan Kanan (S44)



Puan Nordiana Tukijo
Pustakawan Kanan (S44)



Encik Hazrul Amir Tomyang
Pustakawan Kanan (S44)



Puan Hafiza Mustape
Pustakawan Kanan (S44)



Puan Nur Fatihah Muhamad
Pustakawan (S41)



Encik Amir Muhamad Shafie
Pustakawan (S41)



Puan Wan Noor Sazidah Wan Fauzi
Pustakawan (S41)



Encik Muhammad Akmal Azhar
Pustakawan (S41)



Puan Fatin Hanisah Ahmmad Rofee
Pustakawan (S41)

# PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UiTM CAWANGAN SELANGOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Selangor




PTAR Kampus Puncak Alam




PTAR Kompleks Alam Bina & Seni Reka




PTAR Kampus Puncak Perdana




PTAR Kampus Sungai Buloh




PTAR Kampus Dengkil




PTAR Kampus Selayang




PTAR Kampus Teluk Intan

# SEJARAH PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM

Perpustakaan Tun Abduk Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam telah memulakan perkhidmatannya pada 27 Julai 2009 di Tingkat 5, Bangunan Plaza Satelit B (PSB).

Menerusi pembangunan Fasa 2, Perpustakaan Kampus Puncak Alam telah berpindah ke bangunan baharu dan beroperasi sepenuhnya pada Mei 2014. Bangunan baharu ini mempunyai empat (4) aras yang mampu menampung 1,300 tempat duduk dalam satu masa. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan ini diharap dapat memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan ilmu dalam kalangan warga UiTM Cawangan Selangor khususnya.

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor

# SEJARAH PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK PERDANA

Perpustakaan Tun Abdul Abdul Razak Kampus Puncak Perdana (PTAR KPP) telah memulakan perkhidmatannya pada 1hb Julai 2004. PTAR KPP ini terletak di aras satu di dalam bangunan UiTM Kampus Puncak Perdana.

Ia boleh menampung seramai 500 orang dalam satu masa. Perkhidmatan yang ditawarkan di sini merangkumi pinjaman, pemulangan bahan bacaan, kelas literasi maklumat dan pameran yang boleh digunakan oleh warga kampus Puncak Perdana.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Selangor

# SEJARAH PERPUSTAKAAN PERUBATAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS SUNGAI BULOH

Koleksi perubatan telah diwujudkan pada tahun 2003 di PTAR 4 untuk memenuhi keperluan ahli fakulti. Pada tahun 2005, Perpustakaan Perubatan Hospital Selayang memulakan operasinya dengan berkongsi premis tersebut dengan Perpustakaan Hospital Selayang. Koleksi ini dicipta untuk memenuhi keperluan pelajar tahun klinikal yang melakukan latihan klinikal mereka di Hospital.

Sama seperti Hospital Selayang, Perpustakaan Perubatan Hospital Sungai Buloh mula beroperasi pada 2007 dengan berkongsi premis tersebut dengan Perpustakaan Hospital Sungai Buloh. Apabila kampus baharu di Selayang siap pada Januari 2010, Perpustakaan Perubatan Selayang (PPKS) memulakan operasinya pada Mac tahun yang sama dengan memindahkan sebahagian besar koleksi perubatannya dari Perpustakaan Hospital. Dicipta dengan konsep "Perpustakaan Butik', persekitarannya dibentuk dengan mengambil kira masa lapang, selain sofa, kerusi santai yang selesa di samping meja kopi yang disusun dalam kelompok.

Pada tahun 2011, Perpustakaan Perubatan Teluk Intan telah ditubuhkan di Kampus Teluk Intan. Pada Februari 2013, kampus baharu di Sungai Buloh telah ditubuhkan sebagai Ibu Pejabat Fakulti Perubatan. Buku daripada PTAR4 (Lampiran) & Perpustakaan Hospital Sungai Buloh telah dipindahkan ke Perpustakaan baharu di Kampus Sungai Buloh.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Selangor

## SEJARAH PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS DENGKIL

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) di UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil memulakan operasinya pada 14 Disember 2015. Dengan bangunan empat tingkat yang luasnya 4,447 kaki persegi, PTAR Kampus Dengkil mampu menampung seramai 1,000 pengunjung pada satu masa. Perpustakaan ini dibangunkan untuk menyokong pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan, terutamanya untuk pelajar pra-siswazah yang sedang mempersiapkan diri untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda.

Setakat ini, PTAR Kampus Dengkil mempunyai sebanyak 5,372 judul dan 8,368 naskhah buku bercetak serta menawarkan pelbagai kemudahan seperti surau, bilik PhD, bilik perbincangan, bilik audio visual, Pusat IT, ruang bacaan di setiap aras, lokar, ruang bacaan luar, dan ruang riadah.

Semua ini menjadikan PTAR Kmapus Dengkil sebagai pusat pembelajaran yang lengkap dan kondusif untuk para pelajar dan penyelidik.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Selangor

# ANUGERAH & PENCAPAIAN 2024




Imam al-Qurtubi dalam mentafsirkan ayat ini berkata: “Sebarkanlah apa yang Allah SWt kurniakan kepada kamu dengan perasaan syukur dan pujian kepada Allah. Menyebut-nyebut pelbagai nikmat Allah dan mengiktiraf nikmat tersebut adalah satu bentuk kesyukuran.” (Lihat al-Jami' li Ahkam al-Quran, 20/102)

# ANUGERAH DAN PENCAPAIAN 2024

## MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG UCS 2024

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor sentiasa menerapkan amalan terbaik dalam sistem penyampaian dan perkhidmatan perpustkaaan khususnya kepada pengguna dan warga UCS.

Pada tahun 2024, PTAR UCS telah tercalon dalam beberapa kategori yang dipertandingkan dan telah meraih anugerah bagi katergori tersebut




FINALIS KECEMERLANGAN OPERASI
**UiTM cawangan selangor 2024**



ANUGERAH PENGURUSAN REKOD TERBAIK
**NAIB JOHAN**



ANUGERAH JABATAN CEMERLANG
**NAIB JOHAN**



ANUGERAH ZON EKSA CEMERLANG
**TEMPAT KETIGA**



# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

"Raihlah ilmu, dan untuk meraih ilmu belajarlah tenang dan sabar."
Umar bin Khattab

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Selangor

# PERANCANGAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN TAHUN 2024

| STRATEGIC GOAL | UiTM : GLOBALLY RENOWNED ; COMMUNITY AND LOCALLY ROOTED | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| STRATEGIC THRUSTS | QUALITY EDUCATION | | | GLOBAL EXCELLENT | | VALUE DRIVEN PERFORMANCE | | | |
| STRATEGIC THEMES | EDUCATION 5.0 | ENTREPRENEURIAL & WELL BALANCED GRADUATE | WIDENED ACCESS | TRANSLATIONAL RESEARCH DEVELOPMENT, INNOVATION & COMMERCIALISATION | INDUSTRY, COMMUNITY & ALLUMNI SMART PARTNERSHIP | TALENT EXCELLENT | AGILE GOVERNANCE | SMART CAMPUS | SUSTAINABLE FUNDING |

| | QUALITY EDUCATION | GLOBAL EXCELLENT | VALUE DRIVEN PERFORMANCE |
|---|---|---|---|
| 7 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | **KPI 1:** Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti<br>**KPI 2:** Bilangan Rekod Penting Universiti<br>**KPI 3:** Bilangan Bahan Bacaan yang dirujuk | **KPI 4:** Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi<br>**KPI 5:** Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu | **KPI 6:** Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital<br>**KPI 7:** Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM |
| 13 PETUNJUK PRESTASI (PI) | **PI 1:** Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti<br>**PI 2:** Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab<br>**PI 3 :** Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti<br>**PI 4 :** Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan<br>**PI 5 :** Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM<br>**PI 6 :** Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan | **PI 7 :** Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi<br>**PI 8 :** Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan<br>**PI 9 :** Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat<br>**PI 10 :** Bilangan Penglibatan Alumni UiTM | **PI 11 :** Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM<br>**PI 12 :** Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan<br>**PI 13 :** Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja |
| PERPUSTAKAAN UiTM | | | |

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN BAKAT

## SUMBER MANUSIA

**JUMLAH STAF**
**62**

| | | |
|---|---|---|
| 01 | Kampus Puncak Alam | 29 |
| 02 | Kompleks Alam Bina | 4 |
| 03 | Puncak Perdana | 5 |
| 04 | Sunagi Buloh & Selayang | 16 |
| 05 | Dengkil | 7 |

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN BAKAT

## PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PTAR UCS

### DIPLOMA INFORMATIK PERPUSTAKAAN, PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT UITM CAWANGAN KEDAH

- ADAM ISKANDAR BIN ZULKARNINE
- DAMIA BINTI BADRIN
- DINA BATRISYIA MOHD ZAIDI
- MUHAMMAD AZRUL AIZAD BIN ABDUL AZIZ
- NUR ALIA SYAZA BINTI MOHAMAD ASRIZAM
- NUR ALYA BATRISYIA BINTI ISMAIL
- PUTERI AYU NADHIRAH BINTI ROSLAN



# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN BAKAT

## PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PTAR UCS




**IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN PERPUSTAKAAN PUSAT PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT, KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK, UITM REMBAU CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

- NUR MUHAMAD MURSYID NORMIZAN
- NUR SAIDATUL AKHMA ABD RAHIM




Bagi tahun 2024, PTAR UCS telah memperolehi hasil penjanaan pendapatan sebanyak RM 12,311.69 melalui perkhidmatan cetakan, kutipan denda lewat pemulangan buku serta sumbangan bagi kemudahan perpustakaan.

## SUMBANGAN TABUNG KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN SELANGOR

LOCATION: Selangor

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor mengalu-alukan warga universiti dan komuniti luar yang budiman untuk bersama-sama menyumbang kepada Tabung Kemudahan Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor. Tujuan utama sumbangan ini adalah bagi membiayai pembelian buku, meja kerusi, rak buku...

RAISED
RM2,707.00
GOAL
RM100,000....

2%

DONATE

# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

"Kesabaran adalah akhlak mulia, yang dengannya setiap orang dapat menghalau segala rintangan."
Imam Syafi'i

# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

## PESANAN BAHAN BERCETAK 2024 DAN PERUNTUKAN PEMBANGUANAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

**687 JUDUL**
**950 NASKAH**

**KAMPUS PUNCAK ALAM**
392 Judul
404 Naskah

**KAMPUS PUNCAK PERDANA**
70 Judul
70 Naskah

**KAMPUS SUNGAI BULOH**
116 Judul
209 Naskah

**KAMPUS DENGKIL**
109 Judul
267 Naskah

Peruntukan pembanguanan sumber rujukan universiti bagi PTAR UCS tahun 2024 adalah sebanyak RM 275, 800.00.

Manakala prestasi pembayaran bagi keseluruhan PTAR UCS adalah sebanyak RM 239, 409.64 (86.81%).

Sumber : Executive Information System v3 (EISv3)

# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

## SESI PERKONGSIAN ILMU ASAS PENGKATALOGAN & RDA

Bahagian Sumber Rujukan Universiti telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Sesi Perkongsian Ilmu Asas Pengkatalogan & RDA yang telah disampaikan oleh Pn Subha Ismail, Pustakawan Kanan. Kursus ini merupakan salah satu platform perkongsian ilmu bagi memastikan kefahaman dan pengetahuan berkaitan proses pengkatalogan bahan perpustakaan.








# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

## SUMBANGAN BAHAN

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor

1. SMK SUNGAI KAPAR INDAH
2. SMA ISLAM INTERGRASI PINTAR SUNGAI BULOH
3. SMK SAUJANA UTAMA 2








# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

SUMBANGAN BAHAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Selangor










4 PROGRAM IQRA' CORNER UCS

5 SEK KEB PUNCAK PERDANA

6 SEK KEB KAPAR

**JUMLAH:**
**457 JUDUL**
**459 NASKAH**

Koleksi Bahan Niche dibangunkan berdasarkan bidang khusus, penyelidikan dan fokus Pengurusan UiTM.

PTAR Kampus Puncak Alam telah memfokuskan pembangukan niche collection dalam bidang Genome sejajar dengan kewujudan *Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)* dikampus ini.






UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Selangor




# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

"Menuntut ilmu adalah takwa. Menyampaikan ilmu adalah ibadah. Mengulang-ulang ilmu adalah zikir. Mencari ilmu adalah jihad."
Imam Al Ghazali

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor

Program Pendidikan Pengguna Perpustakaan merupakan salah satu pekhidmatan yang ditawarkan di PTAR UCS bagi tujuan memperkukuh kompetensi pelajar terhadap penguasaan Kemahiran Literasi Maklumat dalam pembelajaran dan penyelidikan di UiTM. Pelaksanaan program ini dijalankan samada secara fizikal ataupun maya. Penyertaan pelajar dalam Program Pendidikan Pengguna bagi tahun 2024 adalah sebanyak **11,023 penyertaan**.

**ORIENTASI PERPUSTAKAAN**
**4,994 ORANG**

**KEMAHIRAN LITERASI MAKLUMAT**
**2,696 ORANG**

**LAWATAN PERPUSTAKAAN**
**3,333 ORANG**







Rajah menunjukkan data penyertaan Program Pendidikan Pengguna bagi sepanjang tahun 2024. Jumlah keseluruhan Penyertaan Program Pendidikan Pengguna adalah sebanyak 11,023 penyertaan.



## SEMAKAN DAN PENGESAHAN DATA PENERBITAN DALAM PRIMe BAGI TUJUAN PENILAIAN MyATP

Perpustakaan UCS bertanggungjawab dalam memastikan permohonan semakan pengesahan data penerbitan bagi 16 fakulti iaitu:

- Fakulti Perakaunan
- Fakulti Farmasi
- Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
- Atta-ur-Rahman Institute for Natural Product Discovery
- Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik & Matematik
- Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur
- Fakulti Senilukis & Senireka
- Kolej Pengajian Seni Kreatif
- Pengajian Sains Maklumat
- Kolej Pengajian Seni Kreatif
- Fakuti Perubatan
- Fakuti Pergigian
- Asasi Sains
- Asasi Undang-Undang
- Asasi Kejuruteraan
- Asasi TESL



# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## DATA PENERBITAN & PENYELIDIKAN UCS

Rajah menunjukkan statistik kemasukan data penerbitan ke dalam sistem PRIMe sepanjang tahun 2024. Jumlah validasi penerbitan bagi seluruh fakulti di UCS adalah sebanyak 4,216 penerbitan.




100% permohonan ini dapat disemak dan disahkan dalam tempoh 14 hari penerimaan daripada pihak pemohon

Program Pembudayaan ilmu merupakan inisiatif yang dijalankan secara aktif dan berterusan di PTAR UCS. Ia selaras dengan hala tuju Perpustakaan UiTM pada tahun 2024 untuk memperkasa dan memperhebat budaya ilmu dalam kalangan warga UiTM melalui pelbagai program yang diatur dan dilaksanakan bagi melahirkan warga UCS yang berpengetahuan dan bermaklumat. Antara aktiviti/inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Kempen 1 Staf 1 Buku Sebulan, Program Literasi Maklumat, Program Mobile Library, Program Resensi Buku, Program Speaker Corner, Iqra' Corner, Program Speed Reading, Reruai jualan buku, Meet & Greet Bersama Penulis dan Program Bicara Ilmu.

**SEBANYAK TUJUH 7 STRATEGI BERSERTA DENGAN 14 INISIATIF TELAH DIGARISKAN BAGI MEMASTIKAN HALA TUJU DAN PROGRAM BUDAYA ILMU @UITM INI DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK DAN TERANCANG DI SELURUH PERPUSTAKAAN UITM.**

| | |
|---|---|
| STRATEGI 1 | Penggubalan Garis Panduan Pelan Tindakan Bersepadu Program Penggiatan Budaya Membaca di IPT |
| STRATEGI 2 | Kajian Budaya Membaca di Peringkat Institut Pengajian Tinggi |
| STRATEGI 3 | Pemerkasaan Program Galakan Membaca IPT |
| STRATEGI 4 | Pemerkasaan Literasi Maklumat berkonsep 3A (Anywhere,Anytime, Anyone) |
| STRATEGI 5 | Pemantapan Aktiviti Pembacaan dan Penulisan |
| STRATEGI 6 | Kolaborasi dengan penerbit |
| STRATEGI 7 | Membangun dan memperbanyakkan Infrastruktur |

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU

Program Pembudayaan Ilmu telah dilaksanakan di tujuh (7) lokasi perpustakaan iaitu di PTAR Puncak Alam, PTAR Puncak Perdana, PTAR Kompleks Alam Bina, PTAR Sungai Buloh, PTAR Selayang, PTAR Teluk Intan dan PTAR Dengkil dengan jumlah penyertaan warga kampus seramai 5,989 orang. Program ini terbahagi kepada 5 komponen iaitu Program Budaya Ilmu@UiTM, Program Literasi Sekolah, Kerjasama Komuniti, Program Bersama Alumni, Program Literasi Maklumat warga kampus UCS.



# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU

## STRATEGI 3

PEMERKASAAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA IPT

- **1 Staf 1 Buku Sebulan**

**7**
**PROGRAM**




Menggalakkan peminjaman buku oleh staf Perpustakaan pada setiap bulan dan mengadakan Sesi Book Review di peringkat Jabatan/Bahagian/Perpustakaan masing-masing.

Inisiatif 1 Staf 1 Buku Sebulan dilaksanakan dengan hasrat bahawa staf membuat pinjaman buku bercetak yang berada di dalam koleksi Perpustakaan UiTM pada setiap bulan.

Sokongan dari warga UCS ini telah dimulakan oleh YBrs. Prof Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor.









## STRATEGI 3

PEMERKASAAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA IPT

- Mobile Library

**6 PROGRAM**

Perpustakaan bergerak di lokasi strategik di sekitar kawasan kampus bagi memudahkan mahasiswa dan staf membuat pinjaman dan pemulangan buku serta mendapatkan khidmat pelanggan perpustakaan.









PROGRAM MOBILE LIBRARY YANG DIADAKAN DISEKITAR KAMPUS ANTARANYA DI DEWAN SERBAGUNA, DEWAN BERLIAN, FAKULTI SAINS KESIHATAN DAN FAKULTI FARMASI






## STRATEGI 5

### PEMANTAPAN AKTIVITI PEMBACAAN DAN PENULISAN

- Speed Reading Program

**5 PROGRAM**





















Memberi pendedahan untuk mempelajari dan menguasai teknik bacaan pantas untuk diaplikasikan dalam pembelajaran dan pengajaran warga universiti.

## STRATEGI 5

PEMANTAPAN AKTIVITI PEMBACAAN DAN PENULISAN

- Speaker Corner






**5**
**PROGRAM**

Menggalakkan warga universiti khususnya mahasiswa mengambil bahagian/ menyertai program pengucapan awam bagi membina keyakinan dan ketrampilan diri serta intelektual melalui penyediaan ruang yang disediakan di perpustakaan.









# STRATEGI 5

## KOLABORASI DENGAN PENERBIT

- Meet & Greet Bersama Penulis

**3**
**PENULIS**










Mengadakan sesi bersama penulis buku atau diskusi ilmiah bagi mengupas kandungan buku yang dihasilkan oleh penulis di samping menjadikan ia sebagai platfom mempromosikan judul terbaharu atau popular di pasaran.

Antara penulis yang terlibat adalah:

- Penerbit UiTM
- Iman Publication
- Ashe Enterprise

## STRATEGI 6

KOLABORASI DENGAN PENERBIT

- Booktalk/Book Review Session

**11 PROGRAM**



















Program ini adalah satu langkah untuk menggalakkan budaya membaca dikalangan pelajar/warga UiTM khususnya UiTM Cawangan Selangor.

Objektif program ini adalah:

- Memberi kesedaran kepentingan membaca di kalangan pelajar UiTM.
- Memupuk amalan cintai ilmu dan melahirkan generasi yang berpengetahuan, pemikir dan kreatif.
- Berkongsi maklumat dan bahan bacaan dengan pengguna yang lain mengenai perihal buku yang dibaca.

## STRATEGI 6

KOLABORASI DENGAN PENERBIT

- Pesta Buku

**3**
**PENERBIT**














Bersempena Program Karnival Ilmu PTAR UCS 2024 yang lalu terdapat pameran dan jualan buku bersama penerbit dan pembekal buku tempatan. Pameran dan jualan pelbagai genre buku, termasuk buku akademik, fiksyen dan non fiksyen. Antara syarikat yang terlibat adalah:

- Penerbit UiTM
- Iman Publication
- Ashe Enterprose

Pameran dan jualan buku oleh penerbit ini mendapat sambutan baik dari pengunjung sepanjang tempoh dua hari program diadakan.

## STRATEGI 7

MEMBANGUN DAN MEMPERBANYAKKAN INFRASTRUKTUR

- Iqra' Corner

**13**
**PTJ/ BAHAGIAN**









Iqra' Corner merupakan ruang yang disediakan atau sudut kosong yang dimanfaatkan sebagai perpustakaan mini yang selesa dan santai bagi menyemarakkan budaya membaca. Iqra' Corner juga merupakan salah satu aktiviti Budaya Ilmu@UiTM yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi budaya membaca dalam kalangan warga UiTM.

Sebanyak 13 PTJ telah menyediakan ruang Iqra' Corner di UiTM Cawangan Selangor meliputi kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Sungai Buloh dan Dengkil. Penyediaan ruang Iqra Corner ini berlangsung selama dua (2) bulan bermula 8 Januari 2024 hingga 8 Mac 2024.

Inisiatif ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada PTJ di UCS.

## Jom Baca Bersama 10 minit

Jom Baca 10 minit adalah program tahunan yang dijalankan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Selangor. Program ini diadakan serentak di seluruh negara sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia 2024 pada jam 11.00 pagi.

Di peringkat UiTM Cawangan Selangor, sambutan ini bukan sahaja diadakan di perpustakaan bersama pelajar-pelajar. Bahkan turut diadakan di pelbagai lokasi lain seperti ruang iqra' corner, kelas, kolej, unit, bahagian di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing meliputi kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Dengkil, Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan.







# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU

Live@PTAR UiTM merupakan program siaran langsung yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak secara Live Streaming menggunakan platform sosial media.

Bagi tahun 2024 PTAR UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil telah bersiaran menggunakan platform rasmi YouTube Pusat Asasi bagi 2 program Live@PTAR dengan kolaborasi dari pihak luar iaitu :




**Live@PTAR : Bicara Pakar - Gangguan Seksual, Jangan Sembunyikan**

Penceramah : ASP Arnida Adam
ASP SUKSIS Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai
Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor

**Live@PTAR : Bicara Pakar - Buli Siber**

Penceramah : Puan Nor Zabetha Bin Mohamad Nor
Peguam
Nor Zabetha Chinna & Co




Penggunaan live streaming dalam perkhidmatan perpustakaan memberi banyak manfaat, dari segi capaian, penglibatan, dan penyampaian ilmu yang lebih fleksibel dan berkesan. Teknologi ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran, tetapi juga memperkukuh peranan perpustakaan sebagai pusat sumber ilmu yang dinamik dan berdaya saing.

# Meet & Greet



Fakulti Sains Kesihatan
15 Ogos 2024



Kolej Pengajian Seni Kreatif
03 Sept. 2024




Fakulti Pendidikan




Fakulti Perakaunan
24 Oktober 2024

Program Meet and Greet Ketua Program Pengajian (KPP) UCS merupakan platform untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak fakulti meliputi dua aspek penting yang akan dilihat secara bersama iaitu pembangunan sumber rujukan universiti dan program 3P (Pengajaran, Pembelajaran dan Penyelidikan) sebagai usaha pihak PTAR bagi menyokong kepada kualiti akademik di UCS.

Sepanjang sesi itu dijalankan pelbagai idea dan hal-hal dapat dibincangkan dalam mengukuhkan hubungan dua hala diantara fakulti dan perpustakaan.

# Meet & Greet


Kolej Pengajian Seni Reka
29 Februari 2024


Pusat Asasi
12 Mac 2024


KolejPengajian Alam Bina
07 Mei 2024


FakultiPerubatan
14 Mei 2024


Fakulti Farmasi
20 Mei 2024


FakultiPerubatan
24 Mei 2024


KolejPengajianPengkomputeran,
Informatik & Matematik
26 Jun 2024

## PROGRAM PERKONGSIAN PEMBUDAYAAN ILMU BERSAMA WARGA




Program Bicara Pentadbir@UCS Siri ke 18 telah dijalankan oleh pihak Bahagian Pembangunan dan Sumber Manusia (BPSM), UiTM Cawangan Selangor. Siri kali ini membicarakan tajuk "Memperkasakan Warga Ke Arah Pembudayaan Ilmu" yang telah disampaikan oleh Puan. Hafiza Mustape, Pustakawan Kanan, Unit Perkhidmatan Pelanggan PTAR UiTM Cawangan Selangor. Objektif Bicara Pentadbir @UCS pada siri tersebut adalah:

- Mempromosikan PTAR sebagai hub perkhidmatan maklumat dan Ilmu.
- Menjadikan membaca sebagai satu budaya dalam kalangan mahasiswa dan staf UiTM yang akan menyumbang kepada kecemerlangan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.
- Mengetengahkan fungsi dan peranan PTAR dalam khidmat sosial yang dapat meningkatkan ilmu dan pengetahuan peserta serta menyokong kepada inisiatif budaya membaca dan Dekad Membaca Kebangsaan 2030.
- Menjalinkan kerjasama dengan warga UiTM dalam penganjuran Program Budaya Ilmu.
- Menggerakkan aktiviti pembudayaan ilmu bersama warga UiTM bagi melahirkan warga yang berbudaya membaca dan mencintai ilmu































Bagi memastikan hala tuju Budaya Ilmu@UiTM ini dapat dilaksanakan dengan baik, strategi dan komitmen yang tinggi serta berterusan daripada pelbagai pihak merentas PTJ/Jabatan/Bahagian/Kolej Pengajian/Fakulti amat perlu untuk memperkukuhkan dan memperluas program/aktiviti penggiatan pembudayaan ilmu di Universiti

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## PROGRAM KARNIVAL ILMU PTAR UCS 2024




Program ini turut mendapat kerjasama daripada agensi luar seperti Tabung Haji dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) selain penglibatan syarikat penerbit serta pembekal buku seperti Penerbit UiTM, Iman Publication dan Ashe Enterprise. Sebagai usaha untuk lebih mendekatkan diri dengan komuniti setempat, karnival ini turut melibatkan guru dan pelajar dari Sekolah Kebangsaan Bukit Kapar dan Sekolah Kebangsaan Puncak Perdana. Program ini juga turut melibatkan persatuan-persatuan pelajar UiTM Cawangan Selangor.

Program Karnival Ilmu PTAR UCS 2024 telah diadakan pada 13 dan 14 November 2024. Program ini merupakan penjenamaan semula daripada Program Hari Bertemu Pelanggan yang telah dianjurkan pada tahun-tahun sebelum ini. Program telah dirasmikan oleh YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor. Semasa upacara perasmian turut dibuat Majlis Pelancaran Briged Sukarelawan PTAR UCS.

Karnival kali ini membawa kelainan dengan memperkenalkan pelbagai program dan aktiviti pembudayaan ilmu seperti:

- Program Bicara Ilmu
- Program Resensi Buku bersama mahasiswa
- Program Literasi Maklumat
- Pertandingan Semarak Jawi dan Seni Khat
- Pameran persatuan-persatuan pelajar

Pameran hasil kreatif pelajar dari Fakulti Pendidikan dan Fakulti Senilukis dan Senireka










## PROGRAM KARNIVAL ILMU PTAR KAMPUS DENGKIL 2024

Karnival Ilmu PTAR UCS Kampus Dengkil 2024 telah diadakan pada 9 dan 10 Oktober 2024. Majlis perasmian penutup program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mahadi Kamaludin, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar & ICAN Pusat Asasi. Selain itu, majlis turut dihadiri oleh Pegawai Perhubungan Perpustakaan iaitu Puan Norsyazrah Zulkifli, Pensyarah Kanan dari Jabatan Undang-Undang Pusat Asasi.

Karnival tahun ini hadir dengan kelainan yang mengujakan, mempersembahkan pelbagai program dan aktiviti menarik yang menyokong inisiatif pembudayaan ilmu dalam suasana yang lebih santai dan menyeronokkan. Dengan tema sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, karnival ini menawarkan pengalaman yang tidak hanya memperkayakan pengetahuan, tetapi juga mengasah kemahiran bahasa melalui pelbagai acara seperti:

- Penulisan Cerpen Pendek
- Video Ulasan Bahan Bacaan
- Jejak Bahasa
- Artikulasi Bahasa
- Kuiz Trivia Bahasa
- Deklamasi Sajak
- Pengucapan Awam
- Dam Ular Gergasi
- Rollbot Game
- Roda-Roda Ilmu
- POP Game
- Kahoot Game
- Book Shelving Contest











Dengan usaha penambahbaikan berterusan dan penambahan aktiviti yang bertemakan penglibatan teknologi dan inovasi digital pada masa akan datang pastinya penganjuran Karnival Ilmu ini akan terus relevan dan menarik bagi semua golongan dalam komuniti akademik, sambil mencapai matlamatnya untuk memperkasa pembudayaan ilmu di kalangan pelajar dan staf.

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## SEMARAK JAWI DAN SENI KHAT SEMPENA PROGRAM KARNIVAL ILMU UCS 2024

1Program Semarak Jawi & Seni Khat sempena Karnival Ilmu PTAR UCS 2024 telah berjaya diadakan. Program ini adalah bagi menyuburkan budaya tulisan jawi dan seni khat dalam kalangan generasi muda terutama mahasiswa di UiTM Cawangan Selangor. Ia selaras dengan hasrat UiTM untuk menyemarakkan dan membudayakan tulisan jawi agar penggunaannya meningkat pada tahap yang lebih baik.

Program ini diadakan dengan kerjasama Persatuan Rakan Masjid UiTM. Juri bagi program ini adalah Ustaz Muhammad Najih Irsyad Ahmad Phuad, Penolong Pendaftar Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor. Pada pihak pengurusan UCS dan para pelajar sempena program ini. Semoga program-program sebegini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang.












Program diadakan selama dua jam di ruangan Carrel, Aras 3, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam. Seramai 39 orang pelajar menyertai pertandingan ini.

Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Rektor UiTM Cawangan Selangor, YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman sempena Majlis Perasmian Program Karnival Ilmu PTAR UCS 2024.

Pihak perpustakaan menerima maklum balas yang sangat positif dari pelanggan Perpustakaan

## PROGRAM RESENSI BUKU TENTANG PILIHAN BERSAMA PENULIS DR. NUR AISYAH ZAINORDIN SEMPENA PROGRAM KARNIVAL ILMU UCS 2024

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor











Program Resensi Buku Tentang Pilihan Bersama Penulis Dr. Nur Aisyah Zainordin atau nama pena Muharikah telah diadakan sempena Karnival Ilmu PTAR UCS 2024. Program ini adalah satu langkah untuk menggalakkan budaya membaca dikalangan pelajar/warga UiTM khususnya UiTM Cawangan Selangor. Program ini diadakan dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Harmoni.

Program diadakan selama satu jam di ruangan *Library Community Engagement*, Aras 4, Perpustakaan Tun Abdul Razak,UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam. Penulis telah membuat kupasan yang menarik mengenai buku yang ditulis juga membuat perkongsian mengenai pengalaman beliau dalam bidang penulisan.

Objektif program ini adalah:
- Memberi kesedaran kepentingan membaca di kalangan pelajar UiTM.
- Memupuk amalan cintai ilmu dan melahirkan generasi yang berpengetahuan, pemikir dan kreatif.
- Berkongsi maklumat dan bahan bacaan dengan pengguna yang lain mengenai perihal buku yang dibaca.
- Menggerakkan aktiviti galakan membaca bagi melahirkan warga yang berbudaya membaca dan mencintai ilmu.
- Meningkatkan tahap pembacaan warga UiTM khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Pihak perpustakaan menerima maklumbalas yang sangat positif daripada para pelajar. Semoga program-program sebegini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang.

## PROGRAM RESENSI BUKU BERSAMA PENULIS SEMPENA PROGRAM KARNIVAL ILMU UCS 2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Selangor








Program Resensi Buku Bersama Penulis Sempena Karnival Ilmu PTAR UCS 2024 telah diadakan dengan menjemput Dr. Muhamad Nur Fariduddin Abdul Aziz iaitu panel jemputan bagi buku berjudul Literacy in CPR: A Training Handbook for School Teachers dan First Aid: A Guide for Physical & Health Educator. Moderator program adalah Puan Nur Jannah Abd Malib. Program diadakan seperti ketetapan berikut:

**Tarikh: 14/11/2024 (Khamis)**
**Masa : 11:00 pagi - 12.00 tengah hari**
**Tempat : Bilik Sage, PTAR Kampus Puncak Alam**
**YouTube - Jabatan Penyelidikan & Inovasi UiTM**
**(https://www.youtube.com/@JPIUiTM)**

Objektif program ini adalah:

- Menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan warga UiTM dan komuniti setempat bagi mewujudkan masyarakat berpengetahuan.
- Memupuk amalan cintai ilmu dan melahirkan generasi yang berpengetahuan, pemikir dan kreatif.

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## PROGRAM BICARA ILMU BERSAMA PROF. MADYA TS. DR. SABAIANAH BACHOK SEMPENA PROGRAM KARNIVAL ILMU UCS 2024






Program Bicara Ilmu Bersama Prof. Madya Ts. Dr. Sabaianah Bachok Sempena Karnival Ilmu PTAR UCS 2024 telah diadakan pada 14 November 2024. Program telah berlangsung selama 1 jam melalui Youtube Perpustakaanj UiTM Cawangan Selangor (https://www.youtube.com/live/u2fk7Ewnh40).

Objektif program ini adalah:

- Menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan warga UiTM dan komuniti setempat bagi mewujudkan masyarakat berpengetahuan.
- Memupuk amalan cintai ilmu dan melahirkan generasi yang berpengetahuan, pemikir dan kreatif.

Pihak perpustakaan menerima maklumbalas yang sangat positif daripada para pelajar. Semoga program-program sebegini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang.

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## PROGRAM RESENSI BUKU BERSAMA PELAJAR SEMPENA PROGRAM KARNIVAL ILMU UCS 2024

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor

Program Resensi Buku Bersama Pelajar sempena Karnival Ilmu PTAR UCS 2024 telah berjaya diadakan. Program ini adalah satu langkah untuk menggalakkan budaya membaca dikalangan pelajar/warga UiTM khususnya UiTM Cawangan Selangor. Program ini diadakan selama satu jam di ruangan Library Community Engagement, Aras 4, Perpustakaan Tun Abdul Razak,UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Objektif program ini adalah:

- Memberi kesedaran kepentingan membaca di kalangan pelajar UiTM.
- Memupuk amalan cintai ilmu dan melahirkan generasi yang berpengetahuan, pemikir dan kreatif.
- Berkongsi maklumat dan bahan bacaan dengan pengguna yang lain mengenai perihal buku yang dibaca.
- Menggerakkan aktiviti galakan membaca bagi melahirkan warga yang berbudaya membaca dan mencintai ilmu.
- Meningkatkan tahap pembacaan warga UiTM khususnya dan rakyat Malaysia amnya.









Pelajar diberi peluang untuk membuat ulasan buku terhadap buku yang dibaca samaada milik sendiri ataupun yang dipinjam di perpustakaan UiTM.

Pelajar yang terlibat adalah :
Saudari Wardina Safia Binti Mohamad Radzha daripada Fakulti Pendidikan, buku bertajuk Will you love me?
Saudari Umairah Binti Azman Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, buku bertajuk the stranger.
Saudara Muhammad Amirul Haziq Bin Mohd Sani Fakulti Pendidikan, buku bertajuk Introvert juga Mampu Berjaya.
Saudari Siti Nursyahira Binti Mohamad Amin, FAkulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, buku bertajuk shoe dog by phil knight.

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## RERUAI JUALAN BUKU BERSAMA PENERBIT & PEMBEKAL BUKU SEMPENA PROGRAM KARNIVAL ILMU UCS 2024

Universiti Teknologi MARA | Cawangan Selangor

Aktiviti pameran dan jualan buku bersama penerbit dan pembekal buku tempatan telah diadakan sepanjang tempoh Karnival Ilmu PTAR UCS 2024 yang lalu. Pameran dan jualan pelbagai genre buku, termasuk buku akademik, fiksyen dan non fiksyen. Antara syarikat yang terlibat adalah:

- **Penerbit UiTM**
- **Iman Publication**
- **Ashe Enterprose**

Objektif program ini adalah:

- Menyediakan akses kepada bahan bacaan pelbagai genre melalui kolaborasi dengan penerbit dan pembekal buku untuk memenuhi keperluan maklumat warga universiti.
- Meningkatkan keterlihatan PTAR dalam jaringan kerjasama strategik bersama agensi-agensi luar, termasuk institusi pendidikan, penerbit, dan penyedia teknologi maklumat.














# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## SIRI LAWATAN KE IQRA' CORNER UiTM CAWANGAN SELANGOR

PTAR UiTM Cawangan Selangor telah mengadakan Program Siri Lawatan ke Iqra' Corner UiTM Cawangan Selangor bermula 25 September 2024 hingga 16 Oktober 2024. Seramai 12 orang kakitangan PTAR UCS telah dijadualkan berkunjung ke 13 lokasi Iqra' Corner meliputi 4 kampus UCS iaitu Puncak Alam, Puncak Perdana, Sungai Buloh dan Dengkil.

Program ini adalah salah satu program pelaksanaan Inisiatif Pembudayaan Ilmu dalam kalangan warga UiTM Cawangan Selangor.

Tujuan utama siri lawatan ini adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Menggerakkan inisiatif pembudayaan ilmu warga UiTM Cawangan Selangor.
2. Menyokong program penggiatan budaya membaca dalam kalangan staf pentadbiran bagi menjadikan Malaysia negara membaca menjelang tahun 2030.
3. Menggalakkan penyertaan warga UiTM Cawangan Selangor terhadap kempen galakan membaca kebangsaan.

PTAR UCS berharap agar penyediaan ruang Iqra Corner di setiap tiga belas Pusat Tanggungjawab/Bahagian/Unit/Kolej Kediaman dapat dimanfaatkan sebagai perpustakaan mini yang selesa dan santai bagi menyemarakkan budaya membaca dikalangan warga UiTM Cawangan Selangor khususnya kepada staf pentadbiran. Ianya juga bertujuan untuk menyokong Inisiatif Pembudayaan Ilmu UiTM bagi menjadikan Malaysia Negara Membaca menjelang tahun 2030.

Semasa sesi lawatan tersebut, kedua-dua pihak telah bertukar pendapat bagi tujuan penambahbaikan. PTAR UiTM Cawangan Selangor mengucapkan ribuan terima kasih atas sambutan baik yang diberikan oleh 13 Pusat Tanggungjawab/Bahagian/Unit/Kolej Kediaman berkenaan.




| Bil. | Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Bahagian / Unit / Kolej Kediaman | Kampus |
|---|---|---|
| 1 | Bahagian Penyelidikan dan Inovasi | Puncak Alam |
| 2 | Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia | Puncak Alam |
| 3 | Unit Hal Ehwal Islam | Puncak Alam |
| 4 | Unit Komunikasi Korporat | Puncak Alam |
| 5 | Unit Kerjaya dan Kaunseling | Puncak Alam |
| 6 | Pejabat Polis Bantuan | Puncak Alam |
| 7 | Unit Kesihatan | Puncak Alam |
| 8 | Bahagian Infostruktur | Puncak Alam |
| 9 | Kolej Rafflesia | Puncak Alam |
| 10 | Kolej Zamrud Balduri | Puncak Alam |
| 11 | Unit Kesihatan | Puncak Perdana |
| 12 | Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia | Sungai Buloh |
| 13 | Unit Kesihatan | Dengkil |










# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## BENGKEL SOKONGAN PENYELIDIKAN : BIBLIOMETRIC ANALYTIC

Universiti Teknologi MARA | Cawangan Selangor

Program PTAR UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil yang berfokuskan penyelidikan dan pembelajaran ini dianjurkan selaras dengan komitmen PTAR untuk menyokong segala aktiviti penyelidikan, pengajaran, dan pembelajaran di kalangan warga kampus.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuhkan budaya penyelidikan di institusi, program Bengkel Sokongan Penyelidikan: Bibliometric Analytic diadakan dengan objektif yang jelas dan menyeluruh.

Melalui bengkel ini, para penyelidik berpeluang mempelajari pelbagai teknik analisis bibliometrik dan aplikasi perisian yang relevan. Latihan praktikal turut disediakan untuk memberi pengalaman hands-on kepada peserta, serta peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan penceramah yang pakar dalam bidang ini.

Diharapkan bengkel ini dapat membantu para pensyarah mengenalpasti topik popular, merancang strategi penerbitan yang lebih efektif, serta mengukur pencapaian dalam komuniti penyelidikan global.









# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## MAJLIS PELANCARAN BRIGED SUKARELAWAN PTAR UITM CAWANGAN SELANGOR

Majlis pelancaran Briged Sukarelawan UiTM Cawangan Selangor telah diadakan pada 13 November 2024 secara rasminya semasa Majlis Perasmian Program Karnival Ilmu PTAR UCS 2024.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor.

Seramai 58 orang pelajar telah menyertai Briged Sukarelawan PTAR UiTM Cawangan Selangor merentasi kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Dengkil, Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan.

Sebagai ahli Briged Sukarelawan Perpustakaan, pelajar akan memiliki peluang untuk:

1. Menyumbang kepada komuniti
2. Peluang Pembelajaran
3. Peningkatan keterampilan
4. Menerima markah dalam sistem merit HEP












# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## AKTIVITI BERSAMA BRIGED SUKARELAWAN PTAR KAMPUS DENGKIL



PTAR Kampus Dengkil sebagai pusat ilmu dan pembelajaran, memainkan peranan penting dalam membantu mahasiswa membentuk identiti yang utuh yang dapat mempersiapkan mereka menghadapi cabaran dunia yang terus berubah. Salah satu inisiatif untuk mencapai matlamat ini adalah melalui penubuhan Briged Sukarelawan Perpustakaan.

Perjumpaan pertama bersama 61 orang ahli Briged Sukarelawan PTAR Kampus Dengkil telah diadakan pada 16 Ogos 2024. Pertemuan ini bukan sahaja menyediakan platform untuk merancang aktiviti sukarelawan, tetapi juga membuka ruang bagi setiap ahli untuk menyelaraskan visi dan matlamat bersama. Seterusnya melalui beberapa siri perjumpaan selepas itu juga menggalakkan sukarelawan untuk membina rangkaian antara satu sama lain termasuk kerjasama erat bersama staf perpustakaan. Ini memberikan mereka peluang untuk berkongsi idea dan pengalaman.

Lebih menarik lagi, penglibatan dalam aktiviti sukarelawan perpustakaan memberi mahasiswa peluang untuk mengasah kemahiran kepimpinan, literasi maklumat, etika sosial, daya ketahanan, serta memperluas rangkaian profesional. Semua ini membantu mereka bersedia menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks dan membentuk kemahiran serta keperibadian yang diperlukan untuk berjaya dalam kehidupan dan kerjaya masa depan.


















Universiti Teknologi MARA | Cawangan Selangor

# PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

"Menuntut ilmu adalah takwa. Menyampaikan ilmu adalah ibadah. Mengulang-ulang ilmu adalah zikir. Mencari ilmu adalah jihad."
Imam Al Ghazali

Mobile App@UiTM menawarkan maklumat tentang perpustakaan yang perlu diketahui oleh pengguna khususnya mahasiswa sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti. Aplikasi ini dibangunkan dengan cukup ringkas, padat dan interaktif bersesuaian dengan gaya hidup masakini. Kepelbagaian akses terhadap perkhidmatan dan koleksi perpustakaan ini mampu melonjak prestasi penggunaan perpustakaan. Mobile App@UiTM juga menawarkan menu pencarian maklumat sehenti seperti e-buku, buku audio, e-artikel, e-jurnal, peta digital, e-tesis dan e-persidangan.



Portal MyKM ialah medium perkhidmatan secara personal di dalam Perpustakaan Digital UiTM. Kelebihan utama portal MyKM ini adalah penyediaan maklumat secara terperinci dan boleh disusun berdasarkan bidang pengajian mahasiswa. mahasiswa hanya perlu mengetik masuk ke portal MyKM dan judul-judul terkini koleksi perpustakaan dalam pelbagai bentuk maklumat akan tersenarai untuk dipilih oleh pengguna, termasuklah koleksi digital kertas soalan peperiksaan.portal MyKM turut menawarkan menu My Article. Menu ini mengandungi maklumat terkini h-indeks setiap penulis. Maklumat indeks sitasi penerbitan oleh penyelidik ini sentiasa dikemaskini dan amat berguna untuk menggalakkan produktiviti penulisan penyelidikan

**Penambahbaikan MyKM versi 4 dengan fungsi Personal Learning Network (PLN) dilengkapi dengan Integrasi data sumber rujukan bahan pembelajaran mengikut subjek yang telah didaftarkan oleh pelajar bagi setiap semester.**



# PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

## INSTITUTIONAL REPOSITORY

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor




Repositori UiTM memberi penekanan kepada bahan-bahan harta intelek UiTM yang diterbitkan dalam pelbagai medium atau tidak pernah diterbitkan. Bahan harta intelek akan ditukar kepada format digital bagi membolehkan akses secara elektronik atau capaian secara atas talian. Warga UiTM boleh mendapatkan teks penuh bahan melalui My Knowledge Management Portal (MyKM) atau membuat permohonan teks penuh di pautan yang disediakan.

## *Inisiatif* MINDA REKTOR UCS

Repositori Minda Rektor UCS merupakan sarana yang digunakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Puncak Alam dalam mengumpul, menyimpan dan mengurus koleksi idea dan cetusan buah fikiran oleh Rektor UCS agar dapat dicapai dan disebarkan secara mudah kepada umum.

Repositori ini juga berfungsi sebagai memori Rektor, yang boleh diakses secara terbuka, capaian secara atas talian, memaparkan informasi terkini sorotan setiap program yang dihadiri oleh Rektor UCS. Setiap intipati program, kunjungan hormat, majlis-majlis rasmi yang dihadiri serta idea-idea yang dicurahkan, disusun dengan baik bagi tujuan memahami hala tuju dan hasrat Rektor dan menjadi medan perkongsian ilmu yang bermanfaat. Repositori ini dikemaskini secara berterusan bagi memastikan kandungan dan fungsinya sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan teknologi terkini agar ia menjadi sumber rujukan yang unggul di peringkat UiTM, nasional dan antarabangsa.






UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Selangor

# REKOD & ARKIB UNIVERSITI

"Barangsiapa yang menghendaki kehidupan dunia, maka wajib baginya memiliki ilmu, dan barang siapa yang menghendaki kehidupan akhirat, maka wajib baginya memiliki ilmu, dan barang siapa menghendaki keduanya maka wajib baginya memiliki ilmu."
(HR. Turmudzi)

# REKOD & ARKIB UNIVERSITI



## TUJUAN

Tujuan utama sesi libat urus adalah untuk memberi taklimat dan mempromosikan perkhidmatan rekod, arkib dan galeri dalam usaha memberi kesedaran kepada warga kampus tentang kepentingan pengurusan rekod dan arkib

## OBJEKTIF




- Memberi kefahaman dalam tugas-tugas mengendalikan fail dan rekod.
- Memberi pendedahan kepada PTJ fungsi Unit Arkib
- Mempromosikan perkhidmatan rekod dan arkib kepada PTJ
- Memberi khidmat nasihat kepada PTJ berkenaan pengurusan rekod dan arkib

# REKOD & ARKIB UNIVERSITI

## SESI LIBAT URUS

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor



UiTM Kampus Sungai Buloh
6 Februari 2024



PTAR Kampus Puncak Alam
7 Februari 2024



Penyelidikan dan Inovasi
8 Februari 2024



Unit Komunikasi Korporat
13 Februari 2024



Fakulti Farmasi
28 Februari 2024




Fakulti Sains Kesihatan
10 Mei 2024



Fakulti Pergigian
15 Mei 2024



Hal Ehwal Pelajar & Bendahari
24 Jun 2024



30 Julai 2024



BahagianTeknologi Maklumat
6 Ogos 2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Selangor

# LAWATAN




"Orang yang berilmu dan beradab, tidak akan diam di kampung halaman. Tinggalkan negerimu, merantaulah ke negeri orang."
Imam Syafi’i

# SIRI LAWATAN

## LAWATAN PENANDA ARASAN

Lawatan penanda aras adalah satu program yang dilaksanakan untuk melawat, berkongsi idea, pengalaman dan perkongsian antara sesebuah agensi dengan agensi lain dengan mengenal pasti, melaksanakan serta mempelajari amala-amalan terbaik yang boleh dicontohi.



LAWATAN UNIVERSITAS NEGERI JAKARTA
25 APRIL2024




LAWATAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
4 APRIL2024



LAWATAN UNIVERSITAS NEGERI JAKARTA
25 APRIL2024



LAWATAN INNER MONGOLIA UNIVERSITY
29 JANUARI 2024




UNIVERSITAS MALANG
3 DISEMBER 2024

# SIRI LAWATAN

## LAWATAN PENANDA ARASAN




UNIVERSITAS ISLAM NEGERI (UIN) BANDUNG
8 MEI 2024




UNIVERSITAS GADJAH MADA, YOGYAKARTA
8 OKTOBER 2024



UNIVERSITAS HASANUDDIN (UNHAS)
9 MEI 2024




UNIVERSITAS HASANUDDIN (UNHAS)
9 MEI 2024

# SIRI LAWATAN

LAWATAN PEMBELAJARAN / EXPERIENTIAL TOUR



KOLEJ VOKASIONAL PERDAGANGAN JOHOR
17 JANUARI 2024




SMK TORBIAR, PENDANG KEDAH
4 JULAI 2024



SMK PUNCAK ALAM
12 JUN 2024



# KOLABORASI

"Tuntutlah ilmu. Di saat kamu miskin, ia akan menjadi hartamu. Di saat kamu kaya, ia akan menjadi perhiasanmu."
Luqman al-Hakim

# KOLABORASI

## PEMBENTANGAN AKHIR
## DERAF RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2040

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor




### PTAR KABS

Pembentangan Akhir Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2040 oleh pelajar AP221 Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah Semester 6 (Studio Axes) Kolej Alam Bina, di ruang bacaan umum PTAR KABS telah berjaya diadakan di PTAR KAB Puncak Alam.

3 orang pensyarah studio Dr Mohamad Taufek Mohd Hanafi, Dr TPr Siti Kartina Juhari dan Encik Mohd Zamreen Mohd Amin Bersama 26 orang para pelajar telah terlibat di dalam program sehari ini. Program telah dirasmikan dan dibuat penilaian oleh Puan Anis Shazreen Azmi , Penolong Pengarah Perancang Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Perancangan Bandar.

# KOLABORASI

## PROGRAM JARINGAN KERJASAMA DAN KUNJUNGAN HORMAT SEKTOR PEMBELAJARAN PPD KUALA SELANGOR

## PTAR KPA




Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam telah menerima kunjungan hormat dari Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor.

Delegasi diketuai oleh YBrs. Puan Azlina Hussin (Ketua Pegawai Pendidikan Daerah, Kuala Selangor) bersama 13 orang lagi Penolong PPD sektor pembelajaran, Kuala Selangor.

Kunjungan hormat ini adalah salam perkenalan dari Ketua Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor bersama PPD Kuala Selangor. Pada sesi yang diadakan kali ini, kedua-dua pihak telah berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing dan melakukan perbincangan bagi program-program yang boleh dilaksanakan kearah menyokong Pembudayaan Ilmu.

# KOLABORASI

## BICARA ILMU @ PTARUCS : FISIOTERAPI UNTUK SAKIT BELAKANG & KEPENTINGAN PENJAGAAN MATA, MATA SIHAT JELAS LIHAT



## PTAR KPA

Pada tahun 2024 ini PTAR UCS telah berkolaborasi bersama Fakulti Sains Kesihatan dalam dua buah program siaran langsung. Program ini telah berjaya dilaksanakan melalui siaran secara langsung di akaun Youtube PTAR UCS.

Matlamat program ini dijalankan adalah untuk memeberi kesedaran umum kepada komuniti di dalam UiTM khususnya serta warga setempat mengenai penjagaan kesihatan mata dan tulang belakang. Segala kandungan maklumat yang dikongsikan ini telah disampaikan oleh kedua-dua pakar dalam bidang masing-masing.






# KOLABORASI

## PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI "BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA DALAM SEHARIAN" DAN "TAFSIRAN MELALUI SEBUAH FOTO".

## PTAR KPA

Program khidmat komuniti ke SMK Saujana Utama dengan kolaborasi bersama 2 buah fakulti dari UiTM Cawangan Selangor iaitu Fakulti Pendidikan dan Kolej Pengajian Seni Kreatif telah dijalankan pada 25 September 2024. Program ini adalah usahasama dengan pihak sekolah iaitu SMK Saujana Utama, Sungai Buloh.

Program ini terbahagi kepada dua sesi perkongsian iaitu sesi pertama telah disampaikan oleh Sir Harmeet Singh A/L Kuldip Singh iaitu pensyarah dari Jabatan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai bahasa Kedua. Manakala sesi kedua disampaikan oleh Encik Zahir Alauddin Abd Hamid, Pensyarah Kanan Jabatan Fotomedia Kreatif, Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK).

Sesi ini diberikan selama 4 jam dan dihadiri oleh pelajar tingkatan 4 seramai 280 orang murid. PTAR amat menghargai usahama ini yang telah diberikan oleh pihak fakulti dan juga SMK Saujana Utama, Sungai Buloh.



## PTAR KAMPUS DENGKIL

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah menganjurkan **Program Budaya Ilmu Siri 1** yang bertajuk ***"Manifesto Ramadhan"***. Program ini bertujuan bagi menyemarakkan program pembudayaan ilmu dalam kalangan warga UiTM.

PTAR Kampus Dengkil telah berkolaborasi bersama pihak Unit Hal Ehwal Islam (UHEAI) Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil.

Program ini berjaya melibatkan seramai 801 peserta maya secara langsung.



## PTAR KAMPUS DENGKIL

PTAR Kampus Dengkil telah berkolaborasi bersama pihak Unit Kerjaya dan Kaunseling Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil untuk menganjurkan Program Bicara Pakar. Program Bicara Pakar ini diadakan untuk memberi pendedahan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu kesihatan mental dan gangguan seksual yang semakin meningkat di kalangan remaja. Program ini bertujuan untuk mendidik remaja, ibu bapa, dan pendidik mengenai cara mengenal pasti dan mengatasi masalah ini dengan berkesan.

Antara pengisian aktiviti yang telah diadakan ialah Pembentangan oleh pakar dalam bidang psikologi dan kesihatan mental, Perbincangan Panel dan sesi Soal Jawab antara pakar dan pelajar. Program ini dihadiri oleh lebih daripada 346 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar Pusat Asasi.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Selangor

# ANUGERAH & PENCAPAIAN 2024




Imam al-Qurtubi dalam mentafsirkan ayat ini berkata: “Sebarkanlah apa yang Allah SWt kurniakan kepada kamu dengan perasaan syukur dan pujian kepada Allah. Menyebut-nyebut pelbagai nikmat Allah dan mengiktiraf nikmat tersebut adalah satu bentuk kesyukuran.” (Lihat al-Jami' li Ahkam al-Quran, 20/102)

# ANUGERAH DAN PENCAPAIAN 2024

## MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG UCS 2024




FINALIS KECEMERLANGAN OPERASI
**UiTM cawangan selangor 2024**




ANUGERAH PENGURUSAN REKOD TERBAIK
**NAIB JOHAN**




ANUGERAH JABATAN CEMERLANG
**NAIB JOHAN**




ANUGERAH ZON EKSA CEMERLANG
**TEMPAT KETIGA**

Universiti Teknologi MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak
*Cawangan Selangor*
*Kampus Kampus Puncak Alam*

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: "Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran"
[Al-Maidah 5:2]





**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
45300 Puncak Alam, Selangor

"Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa"

ptarselangor@uitm.edu.my

https://library.uitm.edu.my/selangor

03 3258 4006 | Consultation Services
03 3258 4237| Customer Services

PTAR Cawangan Selangor
@ptarkpaucs


eISSN 3120-3086
9 773120 308004